



**HUBUNGAN KEFAHAMAN GURU TENTANG
CETAKAN PERSEKITARAN DENGAN AMALAN
PENGUNAAN CETAKAN PERSEKITARAN DAN
PENGECEMAN NAMA KANAK-KANAK
BERUMUR TIGA TAHUN**



NURUL AQIDAH BINTI ROSLAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



HUBUNGAN KEFAHAMAN GURU TENTANG CETAKAN PERSEKITARAN
DENGAN AMALAN PENGGUNAAN CETAKAN PERSEKITARAN DAN
PENGECAMAN NAMA KANAK-KANAK BERUMUR TIGA TAHUN

NURUL AQIDAH BINTI ROSLAN

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوپنورسیتی قندیدین سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah


✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada6...(hari bulan).....4..... (bulan) ..2021.....

i. Perakuan pelajar:

Saya, NURUL AQIDAH BINTI ROSLAN, M20181001250, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGAN KEFAHAMAN GURU TENTANG CETAKAN PERSEKITARAN DENGAN AMALAN PENGGUNAAN CETAKAN PERSEKITARAN DAN PENGECEMAN NAMA KANAK-KANAK BERUMUR TIGA TAHUN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR ZAINIAH @ ZANIAH BINTI MOHAMED ISA dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN KEFAHAMAN GURU TENTANG CETAKAN PERSEKITARAN DENGAN AMALAN PENGGUNAAN CETAKAN PERSEKITARAN DAN PENGECEMAN NAMA KANAK-KANAK BERUMUR TIGA TAHUN dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK).





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN KEFAHAMAN GURU TENTANG CETAKAN PERSEKITARAN
DENGAN AMALAN PENGGUNAAN CETAKAN PERSEKITARAN DAN
PENGECAMAN NAMA KANAK-KANAK BERUMUR TIGA TAHUN

No. Matrik / Matric's No.: M20181001250
Saya / I : NURUL AQIDAH BINTI ROSLAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: _____

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Segala pujian ke hadrat pangkuan Allah S.W.T serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad saw kaum keluarga baginda dan para sahabat-sahabat baginda kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah saya menyiapkan disertasi saya.

Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada Dr Zainiah binti Mohamed Isa selaku pensyarah penyelia yang telah banyak membantu dan memberi bimbingan yang amat bernilai kepada saya sepanjang proses penyediaan disertasi ini.

Pada kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga saya iaitu ibu bapa saya, Nor Azizah Mohd Amin dan Roslan Shaari serta adik-beradik saya yang sentiasa mendoakan dan memberikan sokongan dan dorongan yang tidak terhingga. Terima kasih juga kepada Intan Farahana Abdul Rani yang banyak membantu dan bersabar dengan saya ketika dalam menyiapkan kajian ini.

Tidak dilupakan juga kepada guru-guru di agensi kerajaan negeri Perak selaku responden bagi kajian saya kerana memberikan kerjasama yang baik. Sekalung penghargaan daripada saya pada setiap individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang dalam proses menyiapkan disertasi ini.

Akhir sekali saya berharap mudah-mudahan disertasi ini dapat memberi manfaat kepada kita semua khususnya dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.



HUBUNGAN KEFAHAMAN GURU TENTANG CETAKAN PERSEKITARAN DENGAN AMALAN PENGGUNAAN CETAKAN PERSEKITARAN DAN PENGECEMAN NAMA KANAK-KANAK BERUMUR TIGA TAHUN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan kefahaman guru tentang cetakan persekitaran dengan amalan penggunaan cetakan persekitaran guru dan pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun di negeri Perak. Dalam kajian ini, persampelan rawak mudah digunakan kerana populasi kajian yang bersifat homogen. Responden yang terlibat adalah 120 orang guru TASKA di sebuah agensi kerajaan di negeri Perak. Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik secara atas talian (*google form*). Instrumen menggunakan skala likert dan mempunyai lima bahagian iaitu demografi, kefahaman guru tentang cetakan persekitaran, amalan penggunaan cetakan persekitaran di dalam kelas, amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta pencapaian pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun. Analisis data melibatkan skor min dan ujian korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan skor min bagi tahap kefahaman guru adalah 1.97. Skor min bagi tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran di dalam kelas adalah 2.26 dan tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah 1.94. Skor min pengecaman nama kanak-kanak adalah 1.81. Kesemua data deskriptif itu berada pada tahap yang rendah. Dapatan hubungan antara amalan penggunaan cetakan persekitaran di dalam kelas dengan pengecaman nama kanak-kanak adalah $r = .145$. Bagi hubungan amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan pengecaman nama kanak-kanak, nilai pekali Pearson adalah $r = .763$. Kesimpulannya, dapatan jelas menunjukkan terdapat perhubungan antara amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun. Kajian ini memberi kesedaran kepada pendidik akan impak cetakan persekitaran kepada perkembangan literasi kanak-kanak. Justeru pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pakar pendidikan awal kanak-kanak perlu memberi penekanan mengenai penerapan cetakan persekitaran kepada guru-guru TASKA dan kepada kurikulum sedia ada.



ABSTRACT

The aim of this research is to identify the relationship between teachers' understanding of environmental prints, the practice of using environmental prints by teachers and the name recognition of three year old children in the state of Perak. The researcher choose simple random sampling as the population is homogeneous. The respondents involved in this research are 120 nurseries teachers from government agency, in Perak. The research design is a survey study that uses an online questionnaire instrument (google form). This instrument used a likert scale of five points and had five sections, which are; demographic, teachers' understanding of environmental prints, the practice of using environmental prints in the classroom, the practice of using environmental prints in teaching and learning activities and name recognition of three year old children. Data analysis involved mean scores and Pearson correlation test. The findings of the study show that the mean score for the level of teachers' understanding of environmental prints was at 1.97. The mean score for the level of practice using environmental prints in the classroom was 2.26 and the level of practice using environmental prints in teaching and learning activities was 1.94. The mean score for the level of name recognition for three year olds was 1.81. All mean scores for the descriptive data in the study were at low level. The finding for the relationship between the practice of using environmental prints in the classroom with name recognition of three year old children is $r = .145$. The value of Pearson correlation coefficient for the practice of using environmental prints in the classroom with the name recognition of three years old is $r = .145$. As for the practice of using environmental prints in teaching and learning activities with the name recognition of three years old children, the value of r is $r = .763$. In conclusion, these findings indicate that there is moderate relationship between the practice of using environmental prints by teachers with name recognition of three year old children. This study gives awareness to educators on the impact of environmental prints on children's literacy development. Therefore, Ministry of Education Malaysia (MOE) and early childhood education experts need to emphasis on the application of environmental prints to nurseries teacher and improvement of the existing curriculum.

**KANDUNGAN****Muka****Surat**

PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Hipotesis Kajian	16
1.7 Kerangka Kajian	16
1.8 Kerangka Konseptual	19
1.9 Definisi Istilah	22
1.9.1 Hubungan	22



1.9.2 Kefahaman	23
1.9.3 Cetakan Persekitaran	24
1.9.4 Amalan	25
1.9.5 Pengecaman Perkataan	25
1.9.6 Kanak-kanak	25
1.9.7 TASKA	26
1.10 Batasan Kajian	27
1.11 Kepentingan Kajian	28
1.12 Rumusan	29

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

 05-4506832 	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi 31
2.1 Pendahuluan	31
2.2 Perkembangan Literasi Kanak-kanak	31
2.3 Peringkat Pemunculan Literasi	34
2.4 Pengecaman Perkataan	37
2.5 Teori Pembelajaran Sosiobudaya Vygotsky (1934)	43
2.6 Cetakan Persekitaran	46
2.7 Peranan Guru dalam Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran	50
2.8 Kajian-kajian Lepas	54
2.8.1 Kajian Berkaitan dengan Cetakan Persekitaran	55
2.8.2 Kajian Berkaitan dengan Pengecaman Perkataan	59
2.8.3 Kajian Berkaitan dengan Amalan	62
2.9 Rumusan	64

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pendahuluan	66
3.2 Reka Bentuk Kajian	66
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	69
3.4 Instrumen Kajian	74
3.5 Laporan Instrumen Kajian	80
3.6 Kajian Rintis	83
3.6.1 Kesahan Instrumen Kajian	85
3.6.2 Laporan Kesahan Instrumen Kajian	88
3.6.3 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	90
3.6.4 Laporan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	91
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	94
3.8 Ujian Normaliti	99
3.9 Kaedah Analisis Data Kajian	102
3.10 Rumusan	103

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	105
4.2 Latar Belakang Responden	105
4.2.1 Daerah TASKA Tempat Mengajar	106
4.2.2 Tempoh Pengalaman Mengajar Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	108
4.2.3 Umur Guru	109
4.2.4 Kelayakan Ikhtisas Guru Mengajar Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	110



4.3 Statistik Deskriptif	111
4.3.1 Tahap Kefahaman Guru tentang Cetakan Persekitaran bagi Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	112
4.3.2 Tahap Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran di dalam Kelas oleh Guru bagi Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	113
4.3.3 Tahap Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran oleh Guru bagi Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	114
4.3.4 Tahap Pengecaman Nama Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	116
4.4 Statistik Inferens	117
4.4.1 Hubungan di antara Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran dalam Kelas oleh Guru TASKA dengan Pengecaman Nama Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	118
4.4.2 Hubungan di antara Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran oleh Guru TASKA dengan Pengecaman Nama Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	119
4.5 Ringkasan Dapatan Kajian	120
4.6 Rumusan	121

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	123
5.2 Perbincangan	124
5.2.1 Tahap Kefahaman Guru tentang Cetakan Persekitaran bagi Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	125
5.2.2 Tahap Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran di dalam Kelas oleh Guru bagi Kanak-kanak	127



Berumur Tiga Tahun

5.2.3 Tahap Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran oleh Guru bagi Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	130
5.2.4 Tahap Pengecaman Nama Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	132
5.2.7 Hubungan di antara Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran dalam Kelas oleh Guru TASKA dengan Pengecaman Nama Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	134
5.2.8 Hubungan di antara Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran oleh Guru TASKA dengan Pengecaman Nama Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	135
5.3 Implikasi Kajian	138
5.3.1 Implikasi kepada Guru	138
5.3.2 Implikasi kepada Kanak-kanak	139
5.3.3 Implikasi kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum Negara	140
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	141
5.4.1 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	141
5.4.2 Cadangan kepada Pengkaji	142
5.4.3 Cadangan kepada Guru TASKA	143
5.5 Ringkasan Keputusan Kajian Mengikut Persoalan Kajian	143
5.6 Rumusan	144

RUJUKAN	146
----------------	-----

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Muka Surat
2.1	Fasa-fasa Ehri bagi Pembelajaran Perkataan	40
2.2	Fasa Perkembangan Perkataan oleh Heroman & Jones (2004)	42
3.1	Taburan TASKA dan Guru TASKA suatu agensi kerajaan di negeri Perak	70
3.2	Taburan Item dalam Borang Soal Selidik Kajian	78
3.3	Skala Likert dalam Soal Selidik Bahagian II, III dan IV	79
3.4	Skala Likert dalam Soal Selidik Bahagian V	79
3.5	Item dalam Borang Soal Selidik Kajian	81
3.6	Butiran Pakar Kesahan Instrumen bagi Ujian Pencapaian dan Borang Soal Selidik	86
3.7	Keputusan Indeks Kesahan Kandungan (<i>Content Validation Index</i>)	89
3.8	Panduan Nilai Pekali Kebolehpercayaan	92
3.9	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> bagi Setiap Bahagian dalam Instrumen Kajian	93
3.10	Nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> bagi Pemboleh Ubah Bebas Kajian	100
3.11	Kaedah Penganalisisan Data mengikut Persoalan Kajian	103
4.1	Guru berdasarkan Daerah TASKA Tempat Mengajar	107
4.2	Tempoh Pengalaman Guru Mengajar Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	108
4.3	Umur Guru Mengajar Kanak-kanak 3 Tahun	109
4.4	Kelayakan Ikhtisas Guru Mengajar Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	110





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Muka Surat
4.5	Tafsiran Deskriptif Nilai Skor Min	111
4.6	Analisis Tahap Kefahaman Guru tentang Cetakan Persekitaran bagi Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	112
4.7	Analisis Tahap Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran di dalam Kelas oleh Guru bagi Kanak-kanak berumur Tiga Tahun	114
4.8	Analisis Tahap Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran oleh Guru bagi Kanak-kanak berumur Tiga Tahun	115
4.9	Analisis Tahap Pengecaman Nama Kanak-kanak berumur Tiga Tahun	116
4.10	Tafsiran Pekali Korelasi <i>Pearson</i> oleh McBurney (2001)	118
4.11	Analisis Korelasi <i>Pearson</i> Hubungan di antara Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran di dalam Kelas dengan Pengecaman Nama Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	119
4.12	Analisis Korelasi <i>Pearson</i> Hubungan di antara Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran oleh Guru TASKA dengan Pengecaman Nama Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	120
4.13	Ringkasan Dapatan Kajian	121
5.1	Keputusan Mengikut Persoalan Kajian	143





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teori Kajian	17
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	20
3.1	Prosedur Pengumpulan dan Penganalisan Data Kajian	94
3.2	<i>Outlier</i> bagi Pemboleh Ubah Utama Kajian	101
4.1	Guru Berdasarkan Daerah TASKA Tempat Mengajar	107
4.2	Tempoh Pengalaman Guru Mengajar Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	108
4.3	Umur Guru Mengajar Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	109
4.4	Kelayakan Ikhtisas Guru Mengajar Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun	110





SENARAI SINGKATAN

CELL	<i>Center For Early Literacy Learning</i>
CVI	<i>Content Validation Index</i>
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
NAEYC	<i>The National Association For The Education Of Young Children</i>
NCDC	<i>National Child Data Centre</i>
PdP	pengajaran dan pembelajaran
SPAKK	Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Sciences</i>
TASKA	Taman Asuhan Kanak-kanak
UNESCO	<i>The United Nations Educational, Scientific And Cultural Organization</i>
UNICEF	<i>United Nations Children's Fund</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
ZPD	<i>Zone Of Proximal Development</i>



SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen Kajian
- B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- C Surat Kesahan daripada Pakar 1
- D Surat Kesahan daripada Pakar 2
- E Surat Kesahan daripada Pakar 3
- F Surat Lantikan Pakar untuk Kesahan 1
- G Surat Lantikan Pakar untuk Kesahan 2
- H Surat Lantikan Pakar untuk Kesahan 3
- I Data daripada Soal Selidik atas Talian (Kajian Rintis)
- J Data daripada Soal Selidik atas Talian (Kajian Sebenar)
- K Surat Pengesahan untuk Kajian Luar



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, tujuan kajian, skop kajian serta signifikan kajian yang berkaitan dengan definisi istilah kajian. Bahasa dan literasi saling berkaitan antara satu sama lain. Hal ini turut disokong oleh Snow et al. (1998). Jika dilihat dari sudut makna, bahasa merujuk kepada bahasa lisan di mana berkomunikasi melalui percakapan dan mendengar (Vukelich, Christie & Enz, 2012). Manakala literasi merujuk kepada pembacaan dan penulisan melalui cetakan (Vukelich et al., 2012). Salah satu hubung kait antara dua perkara tersebut dilihat ketika pembaca





memerlukan kemahiran pengecaman perkataan dan mengetahui makna dari perkataan sebelum menyebut dan memahami perkataan yang dibaca.

Dalam konteks kajian ini, fokus pengkaji adalah lebih ke arah literasi kanak-kanak. Perkembangan literasi bermula pada peringkat awal kanak-kanak sebelum kanak-kanak ke sekolah formal lagi (Gahwaji, 2011; McKenney & Bradley, 2016). Literasi melibatkan keupayaan individu menggunakan bahasa, simbol-simbol dan lambang-lambang dalam pelbagai bentuk untuk membaca, menulis, mendengar, mewakili, memerhati dan berfikir secara kritikal tentang idea-idea (*Idaho Department of Health and Welfare*, 2010). Implikasinya, individu dapat menggunakan kemahiran literasi untuk meningkatkan nilai diri dan juga membantu dalam pembangunan komuniti (Harris & Hodges, 1995). Daripada pernyataan ini, dapat dilihat bahawa literasi penting bagi seseorang individu untuk menjadi anggota yang berfungsi dalam masyarakat.

Bagi meningkatkan perkembangan literasi kanak-kanak, pelbagai kemahiran perlu dibentuk dalam diri kanak-kanak. Salah satu kemahiran tersebut dipanggil sebagai kemahiran literasi awal. Kemahiran yang perlu diperolehi oleh kanak-kanak dalam tempoh untuk dapat menjadi pembaca yang baik pada masa depan dipanggil sebagai kemahiran literasi awal (Bayraktar, 2018). Kemahiran literasi awal kanak-kanak termasuklah bahasa verbal, kesedaran konsep cetakan, pengetahuan abjad, kesedaran fonemik dan percubaan untuk menulis (Bayraktar & Temel, 2017; Bekir, 2017; Coe, 2009; Griffith, Beach, Ruan, & Dunn, 2008; Jalongo, 2013; Turan, 2017).



Kanak-kanak yang tidak didedahkan kepada penguasaan kemahiran literasi awal terlebih dahulu sebelum mempelajari tahap bacaan awal boleh mengalami tekanan disebabkan mereka hanya menjalani latih tubi tanpa memahami makna pembelajaran secara kontekstual daripada bahan cetakan di persekitaran mereka (Rashidah Elias, 2017). Lantaran itu, kesedaran cetakan merupakan salah kemahiran yang penting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak.

Salah satu kemahiran literasi awal yang diperlukan oleh kanak-kanak dalam tempoh prasekolah ialah kemahiran kesedaran cetakan (Bayraktar & Temel, 2017; Blake, 2014; Clay, 2000; Cabell, Justice, Kaderavek, Trunbull & Breit-Smith, 2009; Erdogan, 2013; Sofka, 2010; Soderman, Gregory & McCarty, 2005; Wang, 2015; Vacca, Vacca, Gove, Burkey, Lenhart & McKeon, 2012). Kesedaran cetakan diperkenalkan oleh Mary Clay pada tahun 1960 (Bayraktar, 2018). Kesedaran konsep cetakan adalah merujuk kepada kepada kanak-kanak mengenali simbol-simbol dan tanda-tanda (abjad-abjad, perkataan, tanda-tanda bacaan, logo, tanda umum & sebagainya) dan untuk memahami perkataan terdiri daripada abjad-abjad dan ayat terdiri daripada perkataan-perkataan, ayat bermula dengan abjad besar dan tanda baca di hujung ayat adalah noktah, wujud ruang antara perkataan dengan perkataan dan tulisan dibaca dari kiri ke kanan dan bermula dari atas ke bawah (Bayraktar, 2018).

Kesedaran cetakan dapat dibina dalam diri kanak-kanak melalui cetakan persekitaran. Buktinya apabila kanak-kanak mula menyedari simbol-simbol di sekeliling mereka maka perkara tersebut dianggap penting bagi kesedaran cetakan (Beauchat, Blamey



& Walpole, 2010; Saracho, 2017; Strickland & Schickedanz, 2009; Whitehead, 2007). Selain itu, konsep cetakan juga boleh dilihat dalam persekitaran di mana merujuk kepada teks yang kanak-kanak lihat, cipta dan berinteraksi dengan sekeliling (Neumann, Hood, Ford & Neumann, 2013). Ini menunjukkan bahawa persekitaran kanak-kanak juga berperanan memberi pendedahan terhadap konsep cetakan.

Bukan itu sahaja, di dalam kelas, konsep cetakan dalam persekitaran juga merangkumi sebarang cetakan yang dipaparkan dan diletakkan di dalamnya bentuk cetakan (Giles & Tunks, 2010). Konsep cetakan dalam persekitaran merujuk kepada cetakan persekitaran. Cetakan persekitaran terdiri daripada perkataan-perkataan dan isyarat-isyarat kontekstual seperti logo-logo dan gambar-gambar (Neumann et al., 2013).



Setiap logo, gambar, simbol dan tanda umum yang ada pada cetakan persekitaran dapat membantu perkembangan literasi kanak-kanak (Vukelich et al., 2012). Bukan itu sahaja, kelas yang mempunyai cetakan persekitaran dan bantuan daripada guru dalam mendorong kanak-kanak bagi mempelajari pengetahuan dan kemahiran yang lain diperlukan (Vukelich et al., 2012). Maka, wajarlah persekitaran kelas dan peranan guru perlu dititikberatkan.



1.2 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan laporan literasi oleh *United Nations Children's Fund* (UNICEF, 2019), kadar literasi dalam kalangan belia berada pada aras rendah di Barat, Afrika Tengah dan Asia Selatan. Ini jelas menunjukkan bahawa, isu literasi perlu diberi perhatian. Bukan itu sahaja, berdasarkan data *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) menunjukkan kadar literasi rakyat Malaysia adalah sebanyak 94.85 peratus pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, 95.05 peratus adalah kadar literasi di Malaysia pada sebelumnya iaitu pada tahun 2017. Di sini jika dibandingkan kedua-dua tahun peratus literasi tersebut mendapati bahawa terdapat 0.23 peratus penurunan. Oleh yang demikian, ini menunjukkan terdapat masalah dalam literasi di Malaysia dan hal ini perlu diberi perhatian supaya tidak berlanjutan kepada masalah yang lebih serius pada masa hadapan.

Seperkara yang perlu disedari, literasi merupakan asas dalam pembelajaran pendidikan rendah dan tahap seterusnya. Tanpa perkembangan literasi terutamanya kemahiran literasi awal adalah hampir mustahil bagi seseorang itu untuk memperoleh pendidikan dan fungsi yang lebih tinggi dalam masyarakat moden. Kemahiran literasi awal mempunyai kekuatan yang cukup untuk membentuk kehidupan masa depan kanak-kanak selain kejayaan kanak-kanak di sekolah. (Niklas & Schneider, 2013). Kemahiran literasi awal adalah penting kepada keupayaan seseorang untuk membangunkan sepenuhnya sebagai seorang individu, untuk menjalani kehidupan yang memuaskan dan bermanfaat dan mengambil bahagian sepenuhnya dalam masyarakat kita. Kepentingan ini disedari oleh



negara Malaysia dan perkembangan literasi ditulis dalam kurikulum PERMATA negara yang digunakan di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA).

Di dalam kurikulum PERMATA negara (2013), terdapat enam bidang pembelajaran untuk perkembangan kanak-kanak yang menjadi fokus dalam kurikulum ini iaitu perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal, perkembangan fizikal dan psikomotor, perkembangan kreativiti dan estetika, perkembangan awal matematik dan pemikiran logik, perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran dan perkembangan sahsiah, sosioemosi dan kerohanian. Bagi kajian ini, perkembangan yang dirujuk adalah perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal. Seterusnya bagi konteks kajian, perkara yang difokuskan adalah cetakan persekitaran.



Dalam perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal, kemahiran konsep cetakan tidak dijelaskan secara teliti. Namun begitu, kurikulum PERMATA Negara menggariskan kanak-kanak perlu berkeupayaan untuk mengenal pasti gambar dalam buku dan mengenali huruf dan abjad sebagai objektif bagi bidang pembelajaran perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal. Perkara ini merujuk kepada konsep cetakan kanak-kanak. Bukan itu sahaja, ia amat berkait rapat dengan perkembangan kemahiran konsep cetakan yang telah dinyatakan oleh Tompkins dan Hoskisson (1995).

Walau bagaimanapun, cetakan persekitaran tidak dinyatakan secara langsung dalam kurikulum ini. Jika dilihat dari aspek lain dalam kurikulum PERMATA Negara (2013), pada bahagian persekitaran pembelajaran menekankan persekitaran yang





merangsang minda, fizikal dan emosi kanak-kanak. Ini membuktikan bahawa penekanan persekitaran dalam kurikulum PERMATA Negara di Malaysia. Buktinya, dalam bahagian ini juga dinyatakan dalam kelas di TASKA mempunyai ruang-ruang pembelajaran yang mempunyai poster, kad imbasan, buku-buku cerita bergambar dan ensiklopedia bergambar untuk kanak-kanak. Secara tidak langsung, perkara ini menyatakan bahawa wujud cetakan persekitaran di dalam TASKA-TASKA Malaysia.

Kewujudan cetakan persekitaran yang berlaku secara tidak langsung dalam kurikulum PERMATA negara menimbulkan tanda tanya kepada pengkaji, adakah guru-guru TASKA sedar kewujudan cetakan persekitaran dalam kelas dapat membantu perkembangan literasi dan jika mereka sedar akan kewujudan tersebut, apakah tindakan guru TASKA. Hal ini disebabkan cetakan persekitaran tidak dijelaskan secara nyata dalam perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal yang sepatutnya dimasukkan dalam perkembangan tersebut.

Banyak kajian terdahulu menyatakan kepentingan cetakan persekitaran pada kanak-kanak. Buktinya, Gerde, Goetsch dan Bingham (2016), kajian mendapati kanak-kanak yang di awal usianya terdedah dengan cetakan persekitaran dalam kelas lebih mempunyai keupayaan menulis yang lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak yang berada dalam kelas yang kurang dengan cetakan persekitaran. Rentetan daripada itu, kajian ini memfokuskan kepada amalan cetakan persekitaran oleh guru TASKA terhadap pengecaman perkataan yang merupakan antara kemahiran literasi awal untuk kanak-kanak membaca.



Sebelum kemahiran pengecaman perkataan terbentuk, seseorang khususnya kanak-kanak dalam konteks kajian ini memerlukan kemahiran untuk membezakan sama ada perkara yang dilihat itu adalah perkataan, simbol, lambang, tanda umum atau logo untuk kelancaran membaca. Perkara ini secara tidak langsung merujuk kepada konsep cetakan. Rumusnya di sini, cetakan persekitaran, konsep cetakan dan pengecaman perkataan saling berkaitan dan perkara-perkara ini telah dikaji dengan lebih lanjut dalam kajian ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Kebanyakan cetakan dalam kelas berfungsi sebagai perhiasan bukannya sebagai sumber pengetahuan kanak-kanak tentang konsep cetakan (Neuman, Copple & Bredekamp, 2000).

Berdasarkan pernyataan tersebut, cetakan dalam kelas itu juga merujuk kepada cetakan persekitaran. Perkara ini disokong oleh Gerde et al. (2016), cetakan persekitaran termasuklah sebarang cetakan yang ditampal di sekeliling kelas atau telah tersedia dalam bentuk cetakan yang telah dicetak.

Walau bagaimanapun, kewujudan cetakan persekitaran di dalam kelas lebih berfungsi sebagai perhiasan bukan sebagai suatu elemen yang berbentuk pendidikan. Jika dilihat daripada dapatan kajian-kajian yang lepas, cetakan persekitaran dapat membantu kanak-kanak belajar kemahiran literasi awal (Kuby, Goodstadt-Killoran, Aldridge & Kirkland, 1999; McGee & Richgels, 1989; Prior & Gerard, 2004; Vera, 2007; Vukelich et



al., 2012). Kelompongan di sini dilihat dengan jelas oleh pengkaji. Oleh yang demikian, pengkaji meninjau faktor yang mempengaruhi kelompongan tersebut.

Bukan itu sahaja, terdapat kajian di Amerika Syarikat yang mengenal pasti bahawa sebanyak 95% prasekolah di sana mempunyai cetakan persekitaran di dalam kelas (Gerde et al., 2016). Namun begitu, kewujudan cetakan persekitaran tersebut tidak digunakan untuk menggalakkan kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak (Gerde et al., 2016). Perkara ini sekali lagi menegaskan bahawa kewujudan cetakan persekitaran tidak digunakan secara efisien oleh guru. Hal ini kerana, kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak akan melihat cetakan persekitaran melainkan perhatian mereka ditunjukkan kepada cetakan persekitaran tersebut (Gerde et al., 2016).



Secara tidak langsung, dapatan tersebut menunjukkan bahawa pendedahan cetakan persekitaran kepada kanak-kanak memerlukan bimbingan dan peranan oleh orang dewasa seperti guru rapat dengan kanak-kanak ketika di TASKA mahupun tadika. Melalui *scaffolding* (perancah) orang dewasa kepada kanak-kanak, pembelajaran tentang cetakan persekitaran dapat dipelajari dengan lebih baik (Neumann et al., 2009; Neumann dan Neumann, 2010; Prior & Gerard, 2004; Rule, Dockstader & Stewart, 2006; Vera, 2007). Rentetan daripada itu, pelbagai soalan muncul dan pengkaji ingin tahu kebenaran jurang antara perkara-perkara tersebut.

Pengkaji cuba mengenal pasti kewujudan kelompongan yang sama di Malaysia. Kesahihan tentang kelompongan yang sama wujud di Malaysia cuba diterokai.



Kemungkinan itu dapat dilihat dalam kajian oleh Zainiah M. I, Norsaadah M. R, Veronica R, M. Azizuddin K. dan Nur Fatin Z. (2015) yang mendapati tahap konsep cetakan kanak-kanak berumur tiga tahun di Malaysia berada pada aras sederhana. Berdasarkan dapatan kajian oleh beliau juga, kanak-kanak berumur tiga tahun didapati kurang mengetahui bahawa teks yang mengisahkan cerita bukannya gambar. Apabila kanak-kanak berumur tiga tahun mempunyai kurang pengetahuan dalam membezakan teks dan gambar, ini menunjukkan bahawa kemahiran asas kanak-kanak iaitu kemahiran mengenali gambar dan kemahiran mengenali abjad adalah lemah dan memerlukan bimbingan. Justeru itu, secara tidak langsung ini menunjukkan bukti kemungkinan wujud kelompangan dalam bimbingan oleh guru tentang cetakan persekitaran kepada kanak-kanak di Malaysia juga.

Kemungkinan oleh pengkaji tentang kelompangan yang sama wujud di Malaysia semakin tinggi apabila, kebanyakan TASKA di Malaysia juga menghias kelas supaya kanak-kanak gembira dan dapat memberi fokus kepada guru ketika mengajar. Berdasarkan Monalisa Harun Chong (2016), guru perlu menukar perhiasan kelas secara kerana hiasan-hiasan dinding yang ditampal akan menjadi terkoyak, pudar dan lapuk. Beliau juga mencadangkan guru menghias dinding-dinding dengan gambar-gambar, carta, hiasan, dan sebagainya. Di sini kita dapat melihat kewujudan cetakan persekitaran dalam kelas juga hanya sebagai perhiasan semata-mata. Oleh yang demikian, wajarlah kelompangan ini ditinjau dengan lebih lanjut.

Kalau dilihat dalam kurikulum PERMATA Negara (2013), pada bahagian persekitaran pembelajaran juga menekankan persekitaran yang merangsang minda, fizikal

dan emosi kanak-kanak. Ini membuktikan bahawa penekanan persekitaran dalam kurikulum PERMATA Negara di Malaysia. Bukan itu sahaja, kurikulum ini juga menyatakan dalam kelas di TASKA mempunyai ruang-ruang pembelajaran yang mempunyai poster, kad imbasan, buku-buku cerita bergambar dan ensiklopedia bergambar untuk kanak-kanak. Secara tidak langsung, perkara ini menyatakan bahawa wujud cetakan persekitaran di TASKA-TASKA Malaysia.

Tetapi adakah di Malaysia juga, guru-guru mengamalkan perkara yang sama seperti dalam kajian di Amerika Syarikat oleh Gerde et al. (2016) iaitu hanya digunakan sebagai perhiasan semata-mata atau sebaliknya? Ini adalah antara salah satu kepentingan kajian dilakukan. Memandangkan kekurangan kajian mengenai bimbingan oleh guru dalam mengamalkan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru TASKA, pengkaji berpendapat bahawa terdapat kemungkinan hal ini memberi implikasi kepada masalah literasi awal kanak-kanak di Malaysia. Malaysia berada pada kedudukan ke-53, jauh di belakang negara jiran Singapura yang berada di kedudukan ke-36 (Berita Nasional, 13 Disember 2018). Kesahihan terhadap hubung kait perkara ini wajar dikaji dengan melakukan tinjauan kajian mengenai amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru TASKA.

Kepentingan cetakan persekitaran terhadap kemahiran literasi awal kanak-kanak juga merupakan salah satu faktor lain untuk pengkaji meninjau amalan penggunaan cetakan persekitaran guru TASKA. Buktinya kajian mendapati kanak-kanak yang terdedah dengan cetakan persekitaran di kelas pada awal usia lebih mempunyai keupayaan menulis yang lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak yang berada dalam kelas yang kurang



dengan cetakan persekitaran (Gerde et al., 2016). Dapatan kajian tersebut perlu diambil tindakan oleh guru untuk kepentingan kanak-kanak. Oleh yang demikian, keperluan untuk meninjau amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru TASKA dilakukan.

Bagi konteks kajian ini, pengkaji hanya melibatkan guru TASKA khususnya guru yang mengajar kanak-kanak yang berusia tiga tahun. Hal ini kerana terdapat kajian yang menunjukkan bahawa kanak-kanak boleh mengenali teks, tanda umum, logo dan simbol dalam persekitaran mereka sekitar umur tiga tahun (Trawick-Smith, 2014; Wortham, 2009). Bukan itu sahaja, kajian lain juga mendapati kanak-kanak yang terdedah dengan cetakan persekitaran di kelas pada awal usia lebih mempunyai keupayaan menulis yang lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak yang berada dalam kelas yang kurang dengan cetakan persekitaran (Gerde et al., 2016). Sejajar dengan itu, cetakan persekitaran perlu dititikberatkan dari awal usia kanak-kanak lagi dan pemilihan guru TASKA yang mengajar kanak-kanak yang berusia tiga tahun dipilih sebagai sampel dalam kajian ini.

Kanak-kanak yang lebih cepat mengecam perkataan mempunyai kelebihan dalam pembelajaran perkataan. Pandangan ini adalah berdasarkan daripada dapatan kajian oleh Weisleder dan Fernald (2013) yang menunjukkan bahawa kanak-kanak yang lebih cepat mengecam perkataan menunjukkan peningkatan perbendaharaan kata dalam tempoh beberapa bulan kemudian. Berikutan hal tersebut, muncul perasaan ingin tahu pada pengkaji. Adakah apabila kanak-kanak didedahkan dan diajar menggunakan cetakan persekitaran maka kemahiran literasi awal mereka iaitu tahap pengecaman perkataan



mereka akan meningkat atau sebaliknya? Pengkaji cuba untuk mengetahui kewujudan hubung kait antara dua pemboleh ubah tersebut.

Terdapat kajian yang menyatakan jika kanak-kanak didedahkan kepada cetakan persekitaran maka kemahiran literasi awal kanak-kanak akan meningkat. Buktinya, kanak-kanak yang terdedah dengan cetakan persekitaran di kelas pada awal usia lebih mempunyai keupayaan menulis yang lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak yang berada dalam kelas yang kurang dengan cetakan persekitaran (Gerde et al., 2016). Oleh yang demikian, pengkaji ingin melihat kesan cetakan persekitaran terhadap tahap pengecaman perkataan kanak-kanak yang merupakan salah satu kemahiran literasi awal kanak-kanak.

Jika dilihat secara literal, cetakan persekitaran dan tahap pengecaman perkataan berkaitan antara satu sama lain. Kanak-kanak yang belajar membaca harus memahami bahawa abjad adalah simbol yang perlu dibaca dalam bahasa. Simbol-simbol ini dikumpulkan bersama untuk membentuk suatu perkataan yang mempunyai makna (Gestwicki, 2017). Perkara ini mengukuhkan pandangan bahawa kanak-kanak perlu mahir dalam membezakan setiap simbol yang dilihat oleh mereka terlebih dahulu sebelum mempunyai kemahiran mengecam perkataan.

Sehubungan dengan itu, pengkaji meninjau kebenaran tentang kewujudan impak penggunaan cetakan persekitaran terhadap tahap pengecaman perkataan kanak-kanak. Tambahan pula, masih kurang kajian yang menjurus ke arah hubung kait antara dua perkara tersebut secara spesifik. Rentetan daripada situasi di mana guru menggunakan cetakan

persekitaran sebagai hiasan, timbul beberapa persoalan oleh pengkaji. Antara persoalan tersebut, adakah guru tidak memahami konsep cetakan persekitaran? Walhal mereka telah menghias dan meletakkan cetakan persekitaran di sekeliling kanak-kanak tetapi tidak menggunakannya. Mengapakah mereka tidak menggunakan perhiasan cetakan dan cetakan persekitaran tersebut? Daripada persoalan-persoalan tersebut, pengkaji berpendapat perkara di atas menunjukkan kepentingan dan keperluan kajian tinjauan ini dilakukan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan matlamat sesebuah kajian itu dilakukan. Objektif kajian ini menjadi penentu kepada seseorang pengkaji sama ada kajian yang dijalankan itu berjaya mencapai matlamatnya. Dalam kajian ini, terdapat 6 objektif yang hendak dicapai di akhir kajian iaitu:

- a) Menenal pasti tahap kefahaman guru tentang cetakan persekitaran bagi kanak-kanak berumur tiga tahun.
- b) Menenal pasti tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran di dalam kelas oleh guru bagi kanak-kanak berumur tiga tahun.
- c) Menenal pasti tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru bagi kanak-kanak berumur tiga tahun.
- d) Menenal pasti tahap pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun.

- e) Menentukan hubungan di antara amalan penggunaan cetakan persekitaran di dalam kelas oleh guru dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun.
- f) Menentukan hubungan di antara amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun.

1.5 Persoalan Kajian

Daripada objektif kajian yang dinyatakan di atas, terdapat 6 persoalan kajian yang perlu dijawab. Persoalan kajian ini akan dijawab dan dianalisa dalam dapatan kajian. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- a) Apakah tahap kefahaman guru tentang cetakan persekitaran bagi kanak-kanak berumur tiga tahun?
- b) Apakah tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran di dalam kelas oleh guru bagi kanak-kanak berumur tiga tahun?
- c) Apakah tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru bagi kanak-kanak berumur tiga tahun?
- d) Apakah tahap pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun?
- e) Adakah terdapat hubungan di antara amalan penggunaan cetakan persekitaran di dalam kelas oleh guru dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun?

- f) Adakah terdapat hubungan di antara amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis merupakan andaian yang dibuat oleh pengkaji tentang hubung kait yang bakal diperoleh daripada pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar (Creswell & Creswell, 2018). Terdapat dua hipotesis null bagi kajian ini iaitu seperti berikut:

H_0 Tidak terdapat sebarang hubungan yang signifikan di antara amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam kelas oleh guru TASKA dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun.


H_0 Tidak terdapat sebarang hubungan yang signifikan di antara amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru TASKA dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun.

1.7 Kerangka Teori

Kerangka teori adalah struktur yang dapat memegang atau menyokong teori kajian. Kerangka teori menerangkan tentang teori yang mendasari permasalahan kajian yang

wujud. Dalam kajian ini, peringkat perkembangan literasi oleh Cooper, Micheal, Robinson, Jill Ann Slansky dan Nancy (2018) mendasari kerangka teori. Cooper et al. (2018) menyatakan terdapat lima peringkat dalam perkembangan literasi kanak-kanak.

Walaupun bagaimanapun, pengkaji memfokuskan kepada peringkat yang terlibat dalam kajian ini iaitu peringkat pemunculan literasi. Hal ini kerana, dalam peringkat pemunculan literasi tersebut, ia melibatkan cetakan persekitaran dan juga kemahiran pengecaman perkataan kanak-kanak. Rajah 1.1 menunjukkan penggunaan peringkat perkembangan literasi oleh Cooper et al. (2018).



Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian

Selain daripada peringkat perkembangan literasi oleh Cooper et al. (2018) yang menjadi tunjang dalam kajian. Pengkaji juga memilih Teori Pembelajaran Sosiobudaya Vygotsky (1978) juga dirujuk. Teori oleh Vygotsky (1978) ini digunakan bagi merujuk dua pemboleh ubah iaitu amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di dalam kelas dan amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pemilihan teori ini juga adalah disebabkan dua pemboleh ubah ini melibatkan peranan dan tingkah laku (amalan) guru dalam melaksanakan aktiviti di dalam kelas dan ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Konsep perancah (*scaffolding*) daripada guru diperlukan dalam menggunakan cetakan persekitaran kepada kanak-kanak berumur tiga tahun.

Konsep perancah (*scaffolding*) adalah teori yang diasaskan oleh Vygotsky. *Scaffolding* bermaksud mengubahsuai tahap sokongan yang diberikan dan berkait rapat dengan Zon Perkembangan Proksimal. Vygotsky (1978) menerangkan tentang kemahiran-kemahiran yang sukar dilakukan oleh kanak-kanak boleh dijayakan dengan bantuan dan bimbingan orang-orang dewasa atau rakan sebaya yang lebih mahir. Dalam kajian yang dijalankan, kemahiran sukar di sini merujuk kepada kemahiran dalam menggunakan cetakan persekitaran oleh kanak-kanak berumur tiga tahun. Berikutan daripada itu, peranan guru diperlukan.

Seterusnya bagi pemboleh ubah pengecaman nama oleh kanak-kanak berumur tiga tahun, pengkaji menggunakan Model Pengecaman Perkataan oleh Ehri dan McCormick (2004). Model ini dikenali sebagai Fasa-fasa Ehri Bagi Pembelajaran Perkataan Model ini




menjadi asas kepada pengkaji dalam membina item-item bagi instrumen soal selidik bagi konstruk tahap pengecaman nama oleh kanak-kanak berumur tiga tahun. Dalam model ini, terdapat lima fasa yang akan dilalui oleh kanak-kanak dalam membentuk kemahiran pengecaman perkataan yang baik. Semua teori dan model di atas dipilih bagi melihat dan memahami gambaran sistematik bagi kajian yang dijalankan.

1.8 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual ini bertujuan untuk memudahkan pemahaman tentang kajian ini. Ia dirangka secara konseptual dengan tujuan untuk melihat aliran atau pergerakan konsep-konsep yang dikaji. Ia menjadi landasan untuk meneroka kefahaman dan amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru TASKA terhadap pengecaman nama kanak-kanak yang berusia tiga tahun.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual bagi kajian ini melibatkan beberapa komponen (rujuk Rajah 1.2). Komponen-komponen utama kajian adalah untuk mengetahui tahap kefahaman guru TASKA terhadap cetakan persekitaran dan tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru TASKA terhadap tahap pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun. Bagi mencapai kehendak kajian, pengkaji memilih kaedah tinjauan dan menggunakan borang soal selidik. Dalam kajian tinjauan ini, guru-guru yang mengajar kanak-kanak TASKA tiga tahun yang menjawab borang soal selidik.

Tahap kefahaman guru TASKA terhadap cetakan persekitaran dalam kelas kanak-kanak yang berumur tiga tahun adalah merupakan salah satu pemboleh ubah tidak

bersandar (*independent variable*) bagi kajian ini. Tahap kefahaman guru TASKA di sini merujuk kepada pemahaman guru TASKA terhadap konsep cetakan persekitaran yang membantu kanak-kanak untuk berkembang kepada kemahiran seterusnya iaitu pengecaman perkataan.

Walau bagaimanapun, perlu difahami di sini bahawa pengkaji ingin melihat tingkah laku guru TASKA daripada tahap kefahaman guru TASKA terhadap cetakan persekitaran. Adakah wujud tindakan guru TASKA daripada kefahaman tersebut? Persoalan ini cuba dirungkai dalam kajian ini. Tindakan guru TASKA terhadap cetakan persekitaran yang dilakukan berulang kali disebut sebagai amalan penggunaan cetakan persekitaran bagi konteks kajian ini. Mat Ali, Omar dan Ismail (2006) mendefinisikan amalan sebagai sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan & sebagainya) sebagai suatu kebiasaan.

Dalam kajian ini, tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam kelas oleh guru TASKA bagi kanak-kanak berumur tiga tahun adalah merupakan pemboleh ubah tidak bersandar (*independent variable*) yang kedua dan seterusnya tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru TASKA bagi kanak-kanak berumur tiga tahun adalah merupakan pemboleh ubah tidak bersandar (*independent variable*) yang ketiga.

Pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*) dalam kajian ini adalah tahap pengecaman nama oleh kanak-kanak berumur tiga tahun. Tahap pengecaman nama oleh kanak-kanak berumur tiga tahun adalah pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Hal ini

kerana pengkaji ingin melihat hubungan pemboleh ubah tersebut kepada kanak-kanak hasil daripada tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran yang dilakukan oleh guru TASKA sama ada di dalam kelas mahupun dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, hubungkait antara amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru TASKA dan pengecaman nama kanak-kanak.

1.9 Definisi Istilah

Kajian yang dijalankan ini melibatkan penggunaan beberapa istilah penting bagi memudahkan pemahaman berkaitan keseluruhan kajian. Dalam kajian ini terdapat beberapa konsep dan istilah yang perlu dijelaskan serta penggunaan beberapa takrifan khusus yang mempunyai pengertian yang khusus. Definisi istilah dalam kajian ini adalah seperti berikut.

1.9.1 Hubungan

Berdasarkan kepada Bakar dan Tumin (2010), hubungan merujuk kepada hasil daripada dua perkara yang berhubung. Bagi konteks kajian ini, hubungan didefinisikan kepada hasil daripada dua perkara yang berhubung. Dalam kajian yang dijalankan, pengkaji ingin melihat empat jenis hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang wujud iaitu hubungan di antara kefahaman guru tentang cetakan persekitaran dengan amalan penggunaan cetakan persekitaran di dalam kelas oleh guru bagi kanak-kanak berumur tiga tahun.



Manakala bagi hubungan kedua yang cuba dikenal pasti adalah hubungan di antara kefahaman guru tentang cetakan persekitaran dengan amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru bagi kanak-kanak berumur tiga tahun. Seterusnya adalah hubungan di antara amalan penggunaan cetakan persekitaran di dalam kelas oleh guru dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun. Hubungan terakhir yang ingin diketahui oleh pengkaji adalah hubungan di antara amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun.



1.9.2 Kefahaman

Kefahaman adalah hal faham akan sesuatu; keupayaan memahami sesuatu. Kefahaman dalam kajian ini adalah merujuk kepada kefahaman guru. Menurut Noraini (2015), kefahaman guru terhadap sesuatu konsep akan memberi gambaran jelas terhadap tindakan, keputusan dan amalan dalam bilik darjah. Guru menjadi salah satu faktor menyumbang kepada kelemahan murid dalam menguasai kemahiran seperti komunikasi, pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah (Carlgren, 2013).

Bagi kajian ini, kefahaman merujuk kepada sama ada guru memahami kepentingan cetakan persekitaran kepada perkembangan literasi kanak-kanak dan perbezaan antara cetakan persekitaran dan bukan cetakan persekitaran serta hubungkait antara cetakan persekitaran dengan kemahiran literasi kanak-kanak.





1.9.3 Cetakan Persekitaran

Menurut Neumann et al. (2013) menyatakan cetakan persekitaran merujuk kepada teks yang kanak-kanak lihat, cipta dan berinteraksi dengannya. Cetakan persekitaran dalam kajian ini merujuk kepada perspektif kanak-kanak tentang fungsi cetakan teks, simbol dan gambar yang terdapat dalam persekitaran kelas.

Dalam konteks kajian, cetakan persekitaran juga merujuk kepada sebarang cetakan yang wujud dalam persekitaran TASKA seperti simbol, tanda umum, carta abjad, carta nombor, label peralatan, label nama kanak-kanak pada barangan mereka, perhiasan yang melibatkan sebarang cetakan yang bersaiz besar termasuklah carta kehadiran dan sebagainya. Perkara ini seperti dinyatakan oleh Neumann et al. (2013) iaitu cetakan persekitaran adalah besar dan jelas dilihat dalam pelbagai jenis saiz, warna, bentuk, dan jenis tulisan dan kebiasaannya abjad besar.

1.9.4 Amalan

Mat Ali, Omar dan Ismail (2006) mendefinisikan amalan sebagai sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan dan sebagainya) sebagai suatu kebiasaan. Dalam kajian ini, amalan merujuk kepada rutin guru TASKA kelas kanak-kanak yang berumur tiga tahun terhadap cetakan persekitaran. Amalan dalam kajian ini merujuk kepada amalan





penggunaan cetakan persekitaran dalam kelas oleh guru TASKA bagi kanak-kanak berumur tiga tahun dan amalan penggunaan cetakan persekitaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru TASKA bagi kelas kanak-kanak berumur tiga tahun.

1.9.5 Pengecaman Perkataan

Pengecaman perkataan adalah merujuk kepada proses pemetaan bunyi perkataan kepada perkataan yang telah dikenal pasti atau perkataan baru yang mana ditunjukkan pada kanak-kanak untuk meramalkan hasilnya (Mahr, 2018). Dalam konteks kajian, pengkaji menggunakan nama kanak-kanak sebagai perkataan yang ditunjukkan kepada kanak-kanak.



1.9.6 Kanak-kanak

Mengikut Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak bermaksud seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Dalam kajian ini, kanak-kanak merujuk kepada seseorang yang berumur tiga tahun. Pemilihan umur tiga tahun adalah kerana pada usia ini kanak-kanak berada dalam fasa pemunculan literasi.

Berdasarkan *NICHD Early Childhood Education and School Readiness Work Group* (2002), kanak-kanak yang berumur 12 bulan sehingga 42 bulan berada pada fasa pemunculan literasi (*emergent literacy*). Pada fasa pemunculan literasi (*emergent literacy*), pengecaman simbol dan cetakan dan perkembangan serta pemahaman perkaitan antara cetakan dan maksud perkataan yang digunakan dalam kemahiran membaca, menulis serta





kemahiran literasi yang lain (Whitehurst & Lonigan, 2001). Oleh yang demikian, pemilihan umur kanak-kanak tersebut dilakukan.

1.9.7 TASKA

TASKA merupakan akronim bagi Taman Asuhan Kanak-kanak. Menurut Akta 308 iaitu Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, taman asuhan kanak-kanak adalah mana-mana premis yang empat orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dari lebih dan lebih daripada satu isi rumah diterima masuk untuk dijaga dengan upah. Definisi TASKA bagi kajian ini adalah institusi pendidikan awal kanak-kanak yang mengajar kanak-kanak 4 tahun dan ke bawah.



1.10 Batasan Kajian

Dalam menjalankan sesebuah kajian, seorang pengkaji berdepan dengan beberapa faktor yang menjadi limitasi kepada kajian. Batasan kajian ini memberi kesan kepada dapatan kajian yang bakal diperoleh.

Kajian ini dijalankan di semua TASKA AGENSI KERAJAAN di negeri Perak. Pusat pendidikan awal kanak-kanak yang digunakan adalah TASKA dan fokus utama adalah guru-guru TASKA AGENSI KERAJAAN yang mengajar kanak-kanak berumur





tiga tahun. Oleh itu, dapatan daripada kajian ini tidak boleh digunakan untuk memberi gambaran menyeluruh guru-guru TASKA di seluruh Malaysia. Dapatan kajian ini hanya dapat memberi gambaran kepada guru-guru TASKA AGENSI KERAJAAN di negeri Perak sahaja.

Selain itu, cetakan persekitaran bagi kajian ini adalah bagi literasi bahasa Melayu sahaja. Cetakan persekitaran merujuk kepada teks, simbol dan gambar yang berada di dalam persekitaran kelas adalah dalam bahasa Melayu. Jadi kajian cetakan persekitaran ini hanya kepada menggambarkan penggunaan bahasa Melayu sahaja.



1.11 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan oleh seseorang pengkaji pasti mempunyai kepentingannya yang tersendiri, sama ada kepada individu, masyarakat atau negara. Dapatan kajian yang diperoleh nanti dapat memberi jawapan kepada persoalan kajian di samping mencari langkah penambahbaikan.

Hasil daripada kajian ini, pengkaji dapat menyedari kepentingan dan hubungkait antara kefahaman guru terhadap cetakan persekitaran dengan amalan penggunaan cetakan





persekitaran oleh guru terhadap pengecaman nama oleh kanak-kanak. Seterusnya guru dapat merancang dan menggunakan cetakan persekitaran melalui aktiviti yang sesuai dalam mendedahkan dan meningkatkan perkembangan literasi kanak-kanak.

Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat mengetahui tahap amalan-amalan yang bersesuaian yang dilakukan oleh guru dalam meningkatkan penggunaan cetakan persekitaran kepada kanak-kanak. Ini dapat membantu pendidik awal kanak-kanak memahami keupayaan kanak-kanak dan mencari cara untuk membantu mereka mendapat pembelajaran yang terbaik. Daripada kajian ini, diharapkan dapat memberi manfaat kepada banyak pihak, khususnya pendidik awal kanak-kanak dan masyarakat umumnya.



1.12 Rumusan

Cetakan persekitaran dilihat sebagai komponen yang penting untuk ditingkatkan supaya perkembangan komponen-komponen lain menjadi lebih mudah. Oleh itu, kajian berkenaan kefahaman dan amalan oleh guru terhadap cetakan persekitaran perlu dilakukan agar kemahiran awal literasi dapat dikuasai dengan mudah oleh kanak-kanak.

